

Newspaper

Berita Harian

Date

8 March 2016

TUN M BERSEKONGKOL DENGAN DAP UNTUK JATUHKAN PM

'Dr Mahathir mahu Mukhriz jadi PM'

RH - 8/3/2016

» *Motif disedari kerana tidak sebut siapa pengganti Najib jika letak jawatan*

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad sebenarnya mahu menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri selepas menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak.

Perkara itu didedahkan Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi yang mendakwa mengetahui motif Dr Mahathir yang bersungguh-sungguh menyerang



Mohd Puad Zarkashi

Najib yang juga Presiden UMNO.

Katanya, motif itu disedari apabila Dr Mahathir tidak menyebut siapa pengganti Najib jika meletakkan jawatan.

"Mahathir terlalu taksud dengan agenda Mukhriz menjadi Perdana Menteri sehingga sanggup melemparkan fitnah terhadap Najib, malah duduk semeja dengan Lim Kit Siang,



Annuar Musa

yang menjadi seteru orang Melayu dan Islam.

"Tindakan Dr Mahathir keluar UMNO adalah untuk menghalalkan kerjasama beliau dengan DAP sebagai rakan untuk memaksa Najib meletak jawatan melalui demonstrasi jalanan," katanya di sini, semalam.

Mohd Puad berkata, Mukhriz dan Mahathir gagal me-

mahami perjuangan UMNO bahawa akar umbi akan menolak pemimpin yang rakus nak takhta dan kuasa.

"Akar umbi menolak pemimpin yang sanggup menjatuhkan Presiden UMNO dengan menggunakan musuh orang Melayu dan Islam iaitu DAP," katanya.

Perpaduan lebih padu

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata tindakan beberapa pemimpin kecewa parti itu kini merangsang perpaduan lebih padu dan menyemarakkan iltizam dalam kalangan ahli UMNO.

"Tindakan mereka satu penghinaan terhadap kebijaksanaan ahli UMNO dan kepemimpinan parti. Ahli UMNO perlu mempergunakan mesyuarat agung cawangan masing-masing untuk memperkasa semangat juang bagi membela nasib rakyat," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Annuar berkata, hati UMNO kini terluka dan sedih melihat beberapa pemimpin yang dijulung selama ini akhirnya kini dicemuh dan dibenci akar umbi kerana tindakan mereka.

"Namun apakan daya kerana mereka (individu yang kecewa) memilih jalan yang sukar diterima," katanya.